



TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN SESI DIALOG INDUSTRI DAN
BELANJAWAN 2027 KEMENTERIAN KERJA RAYA

CONFERENCE HALL 6-7, LEVEL CONCOURSE
PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE
PRESINT 5, 62000 PUTRAJAYA

13 OGOS 2026

<SALUTASI>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

YBhg. Tan Sri, Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati
sekalian,

PENDAHULUAN

1. **Terlebih dahulu, saya ingin menzahirkan rasa syukur yang tidak terhingga dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan** atas kehadiran YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan, dan puan-puan sekalian ke **Sesi Dialog Industri dan Belanjawan 2027 Kementerian Kerja Raya Bersama Penggiat Industri Pembinaan**. Kehadiran anda semua hari ini bukan sekadar memenuhi dewan ini, tetapi ia adalah bukti nyata kepada komitmen jitu dan kesungguhan tinggi kita dalam memastikan sektor pembinaan negara terus berkembang pesat, berdaya saing, mampan, dan kompetitif di persada global.
2. **Sesi dialog ini bukanlah perhimpunan seremonial biasa yang sekadar melengkapkan takwim tahunan**. Bagi kami di Kementerian Kerja Raya (KKR), sesi ini merupakan platform strategik yang amat kritikal untuk kami mendapatkan pandangan ikhlas, cadangan konkrit, dan teguran membina daripada anda, para penggiat industri yang berjuang di barisan hadapan pembangunan fizikal negara. Hanya melalui libat urus yang telus,

jujur, dan dinamik sebegini, Kementerian dapat memperhalusi dasar semasa demi membuat penambahbaikan yang sewajarnya.

3. **Kita mahu sesi hari ini memperkukuhkan lagi jambatan persefahaman dan merapatkan jurang kolaborasi** antara agensi kerajaan, jabatan pelaksana, dan pihak swasta. Sinergi yang utuh antara pembuat dasar dan penggiat industri adalah kunci utama untuk membina ekosistem pembinaan yang kalis masa hadapan.

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Sebelum kita mengulas perancangan masa hadapan bagi Belanjawan 2027, marilah kita mengimbas kembali pencapaian dan mengukur impak daripada Belanjawan 2026 yang bertemakan **"Belanjawan Rakyat"**. Sebagai belanjawan sulung di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), Belanjawan 2026 telah bertindak sebagai pemacu utama sektor pembinaan negara melalui lonjakan peruntukan pembangunan yang sangat signifikan.
5. Kementerian Kerja Raya telah menerima dana keseluruhan sebanyak **RM10.692 bilion**, iaitu peningkatan sebanyak **3.3%** berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM9.607 bilion** telah dikhususkan di bawah Bajet Pembangunan (DE) bagi membiayai projek-projek baharu dan kesinambungan infrastruktur sedia ada.
6. Peruntukan **RM81 bilion untuk pembangunan awam secara keseluruhan** telah berjaya merangsang permintaan domestik yang sangat kuat terhadap bahan binaan komersial dan industri.

7. Melalui **Program MYJalan**, sebanyak **RM2.5 bilion** disediakan untuk penyelenggaraan Jalan Persekutuan di seluruh negara, di samping **RM260 juta** untuk keselamatan jalan raya dan pemasangan **3,000 lampu LED baharu** di bawah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).
8. Dalam aspek latihan, CIDB memperuntukkan **RM10 juta** untuk memperkukuh latihan, pensijilan, dan kemahiran kontraktor gred kecil (G1 hingga G4) serta menyokong penerapan teknologi baharu seperti BIM dan IBS.

YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan, dan Puan-puan sekalian,

9. Tahun 2026 telah menguji ketahanan industri pembinaan kita dengan sangat hebat. Kesan berangkai krisis geopolitik di Asia Barat yang menjejaskan Selat Hormuz telah mencetuskan kejutan tenaga global. Cabaran geopolitik, ketidaktentuan harga tenaga, kos logistik dan tekanan aliran tunai akhirnya memberi kesan kepada kontraktor, subkontraktor dan pembekal.
10. Dalam keadaan ini, **Kerajaan memilih untuk bersama-sama industri!** Kita telah bertindak pantas dengan melaksanakan siri intervensi berani dan bersasar antaranya kerjasama KKR bersama Kementerian Kewangan (MoF), Bank Negara Malaysia, serta institusi kewangan dan agensi yang berkaitan bagi memastikan kontraktor mempunyai akses kepada pembiayaan dan mempunyai aliran tunai yang mencukupi untuk meneruskan pelaksanaan projek. Kemudahan kewangan tersedia menerusi inisiatif CAKNA

I, CAKNA II dan Bantuan Kestabilan PKS (SME SRF) bernilai RM5 bilion oleh Bank Negara Malaysia, Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE) di bawah MARA dan Skim Pembiayaan Kontrak- i di bawah TEKUN, KUSKOP untuk membantu aliran tunai kontraktor tempatan.

11. Atas keperluan mendesak industri, Kementerian Kewangan (MOF) juga telah meluluskan fleksibiliti bayaran interim sebanyak dua kali sebulan bagi projek kerajaan. Intervensi ini diharapkan dapat memberikan **suntikan aliran tunai** segera bagi membolehkan kontraktor utama membayar sub-kontraktor kecil dan pembekal tepat pada masanya, mengelakkan kesan domino rangkaian hutang, serta mengurangkan beban faedah bank.
12. Saya ingin menegaskan bahawa **walaupun kita mungkin tidak mampu menghapuskan semua cabaran, tetapi kita boleh memastikan industri tidak menghadapinya bersendirian.**

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

13. Saya juga ingin mengiktiraf satu perkara yang sangat positif pada hari ini. Saya telah dimaklumkan bahawa sehingga 6 Ogos 2026, KKR telah menerima sebanyak **117 usul berkaitan isu industri dan cadangan input Belanjawan 2027 termasuk 87 usul khusus daripada ‘suara industri’**. Ini menunjukkan bahawa industri bukan sekadar menunggu Kerajaan menyelesaikan masalah tetapi bertindak proaktif tampil dengan cadangan, idea dan penyelesaian. **Inilah semangat perkongsian yang kita perlukan.**

14. Daripada maklum balas yang diterima, kita dapat melihat beberapa perkara yang jelas. Kita perlu **memperkukuh tadbir urus dan pengurusan kontrak; membangunkan tenaga kerja yang lebih berkemahiran dan inklusif; menangani kos operasi, bahan dan logistic serta bergerak lebih pantas dalam kelestarian, ESG dan penggunaan bahan tempatan.**
15. Untuk Belanjawan 2027, KKR telah menerima **30 Usul Strategik Industri Pembinaan untuk Belanjawan 2027.** Usul-usul ini perlu diteliti dan diperhalusi bagi memastikan ianya bertepatan dengan falsafah **Ekonomi MADANI** dalam memangkin pertumbuhan berimpak tinggi dan melindungi ekosistem industri.
16. Dalam hal ini, kita mahu bergerak daripada pendekatan “**berapa banyak yang kita belanjakan**” kepada “**berapa besar impak yang kita hasilkan.**” Kita mahu menaikkan siling industri melalui BIM, AI, teknologi hijau, IBS dan inovasi supaya syarikat kita **tidak hanya bersaing berdasarkan harga, tetapi berdasarkan produktiviti, teknologi, kualiti dan nilai yang mampu dicipta.** Kita mahu industri kita bergerak ke rantai nilai yang lebih tinggi dan menjadi lebih kompetitif, bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa.
17. Pada masa yang sama, kita mesti **menaikkan lantai.** Tidak semua kontraktor dan firma bermula dari kedudukan yang sama. Kontraktor kecil, firma perunding, pekerja dan pemain tempatan memerlukan ekosistem yang membolehkan mereka berkembang. Sebab itu, isu penyelenggaraan jalan, proses kelulusan, pengambilan tanah, utiliti, aliran tunai, kemahiran, kebajikan pekerja dan akses kepada teknologi perlu diberikan perhatian. **Jika**

lantai kita kukuh, lebih ramai pemain industri akan mempunyai peluang untuk naik ke tahap yang lebih tinggi.

18. Atas prinsip tersebut, KKR telah menetapkan lima agenda transformasi sektor pembinaan sebagai asas permohonan kita bagi Belanjawan 2027. Agenda tersebut meliputi **pengukuhan rangkaian jalan raya dan projek berimpak tinggi; pembangunan mampan selaras dengan peralihan tenaga negara; pendigitalan dan Revolusi Industri 4.0 melalui *Building Information Modelling* (BIM), IoT dan AI; pemerksaan kontraktor tempatan G1 hingga G4; serta pengukuhan keselamatan jalan raya menerusi MYJalan**. Ini bukan lima agenda yang bergerak secara berasingan tetapi sebahagian daripada satu perubahan besar terhadap cara kita merancang, membina, mengurus dan menyelenggara infrastruktur negara.
19. Saya juga ingin mengingatkan kita semua bahawa **peruntukan yang diterima tidak semestinya sentiasa sama dengan jumlah yang kita mohon**. Itu adalah **realiti dalam pengurusan kewangan** negara. Tetapi kekangan peruntukan **tidak boleh menjadi alasan untuk kita berdiri diam, mengurangkan usaha atau menurunkan sasaran kita**. Sebaliknya, **apabila sumber kita terhad, kita perlu menjadi lebih kreatif, lebih inovatif dan lebih bijak dalam menentukan keutamaan**.
20. Pada saya, kekangan tidak semestinya kelemahan. Jika kita menguruskannya dengan baik, ia boleh menjadi pemangkin

kepada pembaharuan — memaksa kita mencari kaedah yang lebih cekap, teknologi yang lebih pintar, perkongsian yang lebih strategik dan penyelesaian yang mampu menghasilkan impak lebih besar dengan sumber yang ada. **Matlamat kita bukan sekadar bekerja mengikut kemampuan. Matlamat kita ialah memaksimumkan impak daripada kemampuan yang kita ada.** Sebab itu saya mahu Kerajaan dan industri terus duduk di meja yang sama, berkongsi kepakaran, risiko dan penyelesaian. Kita bukan hanya perlu meminta lebih banyak peruntukan. Kita juga mesti menunjukkan bahawa dengan setiap ringgit yang diberikan, kita mampu menghasilkan nilai yang lebih besar kepada rakyat.

Sidang hadirin sekalian,

21. Sesi Dialog Industri dan Belanjawan 2027 pada hari ini adalah medan terbaik untuk kita duduk semeja. Kita belajar daripada kejayaan yang lepas dan dengan mengambil iktibar daripada krisis yang melanda pada tahun ini, marilah kita bersama-sama membina ketahanan untuk hari esok. Kerjasama erat antara kerajaan, penggiat industri, akademik dan komuniti adalah kunci mutlak untuk merealisasikan infrastruktur bertaraf dunia.
22. Ingatlah, kita mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur demi kesejahteraan rakyat. Kita bukan sekadar membina konkrit dan jalan raya, tetapi kita sedang membina keyakinan rakyat, maruah bangsa, dan legasi yang mampan untuk dinikmati oleh generasi akan datang. **Mari kita buktikan bahawa industri pembinaan Malaysia adalah tulang belakang sebenar kemajuan negara kita!**

23. Saya dengan sukacitanya **merasmikan Sesi Dialog Industri dan Belanjawan 2027 Kementerian Kerja Raya.**

Sekian, terima kasih.